

Buka mata belia

Syalikha Sazili
syalikha@nstp.com.my

■ Miliki rumah PR1MA pada usia muda satu keperluan


Kuala Lumpur

Kehadiran belia pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional anjuran Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA) membuktikan kesedaran untuk memiliki kediaman pada usia muda satu keperluan masa kini.

Rata-rata pengunjung ekspo perumahan terbesar negara itu mahu merebut peluang keemasan memiliki rumah di kawasan bandar, dengan harga di bawah pasaran serta mampu milik.

Pengunjung, Kamarul Nadzim, 24, berkata, ekspo terbabit membuka mata memiliki rumah pada usia muda selain menawarkan pelbagai lokasi menarik.

Dia yang baru bekerja dan juga pelajar separuh masa dalam jurusan pembinaan di universiti swasta berminat mencari rumah di kawasan



KAMARUL

Lembah Klang.

“Lokasi memainkan peranan penting untuk berulang-alik dari tempat kerja ia menelan kos.

“Selain itu, bagi saya yang kali pertama membeli rumah, ekspo ini memberi pendedahan dari segi penerangan, pinjaman bank dan turut mempunyai kaunter

menyemak CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat),” katanya pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional-Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Bagi Muhammad Hazim, 25, yang bertugas sebagai jurutera awam, berasa harga rumah mampu milik perlu diberi pertimbangan supaya diturunkan lagi nilainya.

“Diharap kerajaan memberi pertimbangan untuk membantu orang muda yang tidak bergaji besar namun mahu merebut peluang rumah pertama yang dibangunkan kerajaan,” katanya.

Ekspo sembilan hari bermula semalam itu menawarkan lebih 100,000 unit rumah dengan menyasarkan pembeli berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).